



DIMENSIKOOOP

ISSN - 1823 1586 / BIL.79 [2/2024] / RM8.50

MENEROKA Potensi Perniagaan E-SUKAN KEPADA KOPERASI



MS ISO 9001:2015



REG. No. QMS 01443

ISSN 1823-0008



9 771823 000003

01586



ISSN 1823-1586
RM 8.50
Bil. 79 (2/2024)
www.ikma.edu.my



Dari Meja

Ketua Editor



Assalamualaikum dan Salam sejahtera kepada para pembaca setia Majalah Dimensi Koop,

Dalam keluaran kali ini, kita menyingkap satu lagi dimensi baharu dalam dunia koperasi yang mungkin tidak pernah kita bayangkan lebih satu dekad lalu iaitu e-sukan. Seiring dengan kemajuan teknologi dan perkembangan ekonomi digital, koperasi tidak seharusnya ketinggalan dalam mengambil peluang dan ruang untuk bersama-sama berada di hadapan. Banyak koperasi di seluruh dunia sedang memikirkan strategi inovatif untuk memastikan mereka terus relevan dan mampan. Salah satu pendekatan yang boleh diteroka adalah penglibatan dalam industri e-sukan yang kini menunjukkan trend diminati oleh golongan muda.

“ Dunia kini sedang menyaksikan lonjakan besar dalam industri e-sukan yang bukan sahaja menarik minat golongan muda tetapi juga membuka peluang ekonomi yang luar biasa. ”

Di sinilah koperasi dapat memainkan peranan yang signifikan dalam mendepani perubahan ini. E-sukan bukan sahaja tentang permainan video semata-mata, ia melibatkan ekosistem yang luas termasuk pengurusan pasukan, pembangunan teknologi, penganjuran acara, dan bahkan pendidikan. Hal ini membuka ruang untuk koperasi menyediakan platform sokongan bagi ahli yang berminat untuk terlibat secara aktif dalam bidang ini.

Bagi koperasi yang ingin kekal relevan dalam kalangan generasi muda, penglibatan dalam e-sukan adalah langkah strategik. Koperasi boleh menyokong penubuhan pasukan e-sukan yang dianggotai ahli koperasi, membangunkan ruang latihan atau fasiliti untuk pemain, serta menganjurkan pertandingan yang melibatkan komuniti setempat. Ini bukan sahaja akan meningkatkan kesedaran tentang koperasi tetapi juga menarik lebih ramai ahli muda yang mungkin belum terdedah kepada potensi koperasi.

Malah, terdapat peluang untuk koperasi memanfaatkan perkembangan e-sukan sebagai satu platform pendidikan dan latihan. Dengan

menawarkan kursus atau bengkel berkaitan pembangunan permainan video, pengurusan acara e-sukan, dan pemasaran digital, koperasi boleh membantu ahli mereka memperoleh kemahiran baharu yang relevan dengan pasaran kerja masa kini.

Oleh itu, dalam keluaran ini, Majalah Dimensi Koop memfokuskan artikel tentang bagaimana koperasi boleh berperanan dalam industri e-sukan serta manfaat koperasi dalam penerokaan bidang ini. Diharapkan ia dapat memberi inspirasi kepada koperasi di seluruh negara untuk berani mencuba idea-idea baharu dan terus kekal berdaya saing dalam dunia yang semakin pesat berubah.

Selain itu, beberapa artikel lain yang menarik turut diselitkan dalam majalah keluaran kali ini buat tatapan para pembaca. Semoga para pembaca mendapat manfaat daripada perkongsian artikel bagi keluaran kali ini. Salam hormat dan selamat membaca!

Sekian,

Mohd Zaib bin Mat Yunus

Sidang Redaksi

DIMENSI KOOP



Ketua Editor

MOHD ZAIB MAT YUNUS



Penaung / Penasih

DATUK MOHD ALI MANSOR
KETUA PENGARAH



Timbalan Ketua Editor

NOR AZLINA KASSIM

SIDANG EDITOR



**DR. MOHD SHAHRON
ANUAR SAID**



AZMALIZA ARIFIN



**NORHAYATI
ABD. RAHMAN**



SALWANA ALI



MOHD NUSI
ABD RAHMAN



NOR ARMA ABU TALIB



HASRIN
ABU HASSAN



NORANITA MOHD NOR



KHAIRUL AKMAL
SAIM



ROHALINDA
AHAD



JULIZAH
SABSTU



INTAN NUR AZREEN
MOHAMAD RADZI



SHARIFAH SHUZAIDA
SAEDIN



NOR ALYANI
ABDUL RAZAK



ZAHARATUL LAILI
ZAKARIA

Kandungan

DIMENSI KOOP 79



8

STRATEGI PEMASARAN KOPERASI: BERDASARKAN KEJAYAAN PEMASARAN REI CO-OP



18

MENGURUS KOPERASI DENGAN BERKESAN : CIRI-CIRI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI YANG BERJAYA



24

PETUA BIJAK BERBELANJA DALAM PERNIAGAAN



30

WAWANCARA TOKOH KOPERASI NEGARA 2023



42

LATIHAN DAN BIMBINGAN KUNCI KEJAYAAN PENGURUSAN KOPERASI



50

**KOMUNITI
SUMBER
KEKUATAN
KOPERASI**



58

**MENEROKA
POTENSI
PERNIAGAAN
E-SUKAN
KEPADA
KOPERASI**



66

**MENGHADAPI
MASA DEPAN
DENGAN
PENGETAHUAN
BERITA
KOPERASI
GLOBAL**



76

**PETUA DAN
CABARAN
MENGURUSKAN
PROJEK
KOPERASI
SECARA EFEKTIF**



82

**PENGURUSAN
RISIKO
PERNIAGAAN
KOPERASI
MELALUI
PENGURUSAN
MAKLUMAT
BERKESAN**